

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK
KAWASAN : SEREMBAN
TARIKH : 28 OKTOBER 2014, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN LOKE SIEW FOKK (SEREMBAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menaik taraf jalan raya yang menghubungkan Nilai-Batang Benar-Pajam-Mantin memandangkan laluan tersebut amat sesak dan membahayakan pengguna dan merupakan susur keluar ke Lebuh raya LEKAS.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan di laluan Jalan Persekutuan 3265 dan Jalan Persekutuan 1 yang menghubungkan Nilai ke Mantin.

Berdasarkan Bancian Trafik Kebangsaan 2013, jumlah kenderaan yang melalui kedua-dua jalan tersebut ialah sebanyak 11,000 kenderaan sehari. Kesesakan trafik sering berlaku pada waktu puncak, terutama melibatkan laluan dari Batang Benar ke persimpangan ke Lebuh Raya Kajang – Seremban (LEKAS). Sehubungan itu, kementerian ini akan berbincang dengan Kerajaan Negeri Sembilan untuk menentukan cadangan menaik taraf laluan Jalan Nilai – Batang Benar – Mantin ini diberikan keutamaan tinggi oleh Kerajaan Negeri dalam senarai cadangan projek baru Negeri Sembilan dalam RMKe-11 kelak.

Sekian. Terima kasih.